

**NO. SOALAN: 266**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN OOI CHUAN AUN**

**RUJUKAN : 9748**

**SOALAN:**

**Tuan Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan laporan penuh tentang pembunuhan Kim Jong-Nam di KLIA2. Adakah Malaysia kini telah menjadi medan penjenayah antarabangsa.**

**JAWAPAN:**

**Kes kematian Kim Jong Nam, abang tiri kepada Presiden Korea Utara berlaku di *Kiosk Self Check In* Air Asia berhadapan kaunter daftar masuk W di aras 3, Lapangan Terbang KLIA 2, Sepang pada 13 Februari 2017 berkait KLIA Sepang Repot 002798/17 dan telah diklasifikasikan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuhan.**

**Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menangkap 4 orang suspek bagi membantu siasatan yang terdiri seorang wanita warganegara Vietnam, seorang wanita warganegara Indonesia, seorang lelaki warga tempatan dan seorang lelaki warganegara Korea Utara.**

**Kertas siasatan telah lengkap dan dimajukan kepada pihak Timbalan Pendakwaraya dan arahan diberikan adalah seperti berikut:**

- i) **2 orang wanita warganegara Indonesia dan Vietnam dituduh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan pada 1 Mac 2017;**
- ii) **seorang lelaki warga tempatan diberikan bon di bawah Kanun Tatacara Jenayah Akta 593 pada 22 Februari 2017; dan**
- iii) **seorang lelaki warganegara Korea Utara, diserahkan kepada pihak Imigresen untuk tujuan pengusiran.**

**Memandangkan kes berkenaan telah dihadapkan ke Mahkamah, Kementerian tidak berhasrat untuk mengulas lanjut berkaitan kes ini kerana dikhawatir akan *sub judice* proses perbicaraan.**

**Dakwaan yang menyatakan bahawa Malaysia kini menjadi medan penjenayah antarabangsa merupakan andaian yang tidak berasas memandangkan tahap keselamatan dalam negara berada dalam keadaan yang terjamin dan selamat. Kes pembunuhan ini yang dikategorikan sebagai berprofil tinggi melibatkan warganegara asing merupakan kes pertama berlaku dalam negara.**